

Kerajaan, rakyat

UM 2 2 OCT 2003

KUALA LUMPUR 21 Okt. — Kerajaan dan rakyat Malaysia menyokong dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai ucapan beliau pada pembukaan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Konvensyen Putrajaya, Putrajaya Jumat lepas.

Menteri Pertahanan, **Datuk Seri Najib Tun Razak** berkata, walaupun ada pihak yang mengecam ucapan Dr. Mahathir tetapi bagi kerajaan dan rakyat negara ini, semuanya menyokong penuh apa yang dikatakan oleh beliau.

“Dr. Mahathir meluahkan sesuatu yang benar, satu realiti yang selama ini disembunyikan atau tidak berani didedahkan oleh sesiapa.

“Ucapan tersebut merupakan ucapan yang rasional serta mahu mengelak pertembungan di antara orang Islam dengan bukan Islam, dan di antara orang Islam dengan orang Yahudi,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Amerika Syarikat (AS), George W. Bush bahawa ucapan Dr. Mahathir itu sebagai sesuatu yang menimbulkan kebencian dan patut dikeji.

Kecaman Bush itu didedahkan oleh Penasihat Keselamatan Negara AS, Condoleezza Rice kepada pemberita pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok, semalam.

Najib yang juga Naib Presiden UMNO mene-

sokong penuh ucapan PM

gaskan, ucapan Dr. Mahathir itu mengatakan bahawa tidak ada faedah menggunakan keganasan, lebih baik memikirkan apa dia strategi dan langkah yang lebih tepat untuk menyelesaikan masalah umat Islam.

Beliau memberitahu, sejarah telah membuktikan bagaimanapun orang Islam dan orang Yahudi berkurun lamanya hidup bersama-sama dengan rukun damai di Afrika Utara semasa orang Yahudi dizalimi oleh negara-negara Eropah pada ketika itu.

“Masalahnya sekarang bukan di antara orang Islam dan orang Yahudi tetapi hak rakyat Palestin telah dirampas dan mereka terus dizalimi rejim Israel.

“Sekiranya tidak diselesaikan, konflik akan

berterusan dan seharusnya Bush melihat punca masalah itu yang telah dianalisis dengan tepat,” katanya.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr. Rais Yatim** berkata, tindakan Bush itu akan merosakkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Tambahnya, ia juga tidak menunjukkan kewibawaan seorang Presiden AS di peringkat antarabangsa.

“Perbuatan Bush itu selaras dengan kelakuan kasar Presiden AS itu yang berasal dari Texas, satu perbuatan biadab seolah-olah beliau mahu menentukan apa dan bagaimana seseorang pemimpin lain harus berucap atau menyatakan sesuatu.

“Apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir merupakan satu kenyataan dan saya tidak fikir beliau akan menarik apa yang telah diucapkan,” katanya.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Datuk Seri Ong Ka Ting** juga menyokong penuh ucapan Dr. Mahathir kerana ia merupakan satu niat yang baik yang memberikan pandangan rasional.

Ka Ting yang juga Presiden MCA menambah, tidak sepatutnya mana-mana pihak menyekat mana-mana pemimpin untuk menyuarakan perkara yang benar.

“Menjadi hak pemimpin mana-mana negara untuk memperkatakan sesuatu yang benar dan saya sebagai pemimpin Barisan Nasional menyokong penuh Dr. Mahathir,” katanya.